

NORTHPORT DI MEDIA

Harian

Metro

INFO NORTHPORT

- Mempunyai seramai 2,678 kakitangan setakat April 2014
- 2,090 bertugas di bahagian operasi manakala 528 di bahagian pengurusan pejabat
- Keluasan kawasan adalah 226 hektar
- Terminal kontena mampu mengangkut 5.6 juta TEUs setiap tahun
- Mempunyai 28 dermaga dengan 13 daripadanya adalah terminal kontena
- Kedalaman perairan adalah 12 hingga 17 meter
- Mempunyai 32 kren dermaga (peralatan kendalian kontena)
- Purata lebarnya kapal dalam sebulan ialah 500 buah
- Mempunyai 34 muam pelabuhan, lima bot muam dan enam bot tunda



Perancang kapal perlu kebal kesilapan

SUASANA di Northport sentiasa sibuk dengan 28 dermaga disediakan.

Foto: ZULFADLI ZULFI

Pelabuhan Klang: Northport (M) Berhad (Northport) mengendalikan kira-kira 5.6 juta kontena TEUs (satu kontena berukuran 20 kaki) setiap tahun manakala secara puratanya kira-kira 500 kapal berlabuh di 28 dermaga yang disediakan, setiap bulan.

Jumlah sebanyak itu memerlukan perancangan te-

liti, fokus dan kesabaran tinggi dalam kalangan pekerja dengan mengambil kira destinasi, berat, saiz dan jenis kontena sebelum barangan dimasukkan ke dalam perut kapal.

Itulah tugas perlu dipikul perancang kapal di Northport, Mohd Ridzuan Mohd Radzi yang bertanggungjawab merancang kemasukan

dan pengeluaran antara 2,000 hingga 3,000 kontena sehari.

Dia yang mempunyai pengalaman sembilan tahun dalam bidang terbabit berkata, tugas itu mencabar kerana perlu merancang memunggah kontena dalam masa yang sudah ditetapkan.

"Selepas mendapat sena-

rai kontena daripada ejen di Pelabuhan Klang, saya perlu merangka susunan mengikut kesesuaian keluasan kapal berdasarkan destinasi, berat, saiz dan jenis kontena.

"Ia biasanya mengambil masa antara lima dan enam jam mengikut kemahiran seseorang kerana susunan yang silap menyukarkan

kerja pemunggahan apabila kontena sampai ke destinasi ditetapkan," katanya.

Katanya, setiap perancang kapal perlu peka kerana kesilapan memasukkan kontena ke dalam susunan yang salah dan tidak mengikut destinasi boleh membabitkan kos tinggi.

"Contohnya, jika kontena sepatutnya berlabuh di Singapura, tetapi tersalah hantar ke Pulau Pinang, kos menghantar semula ke Singapura terpaksa ditanggung sepenuhnya oleh Northport dan pastinya perancang kapal yang perlu menanggung akibatnya," katanya.



Atas, bawah, kiri, kanan kontena

Tugas berisiko tinggi kerana nyawa boleh melayang jika tersilap langkah

WAJAH KEHIDUPAN

Semalam, Wajah Kehidupan memaparkan kisah operator kren di Northport (M) Bhd (Northport), Pelabuhan Klang yang 'bermain' dengan ajal bagi memastikan kontena dapat dipunggah dengan selamat.

Bagaimanapun, kesempurnaan tugas operator kren turut bergantung kepada peranan kerani penjaga operasi, kerani kren dan perancang kapal seperti laporan hari ini

NORHAFIZ memberi arahan kepada operator kren di Northport.

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my
Pelabuhan Klang

"Saya pernah lihat depan mata sendiri bagaimana seorang pekerja kapal warga asing maut akibat terselit di antara kontena yang disusun," kata kerani penjaga operasi di atas kapal (stowage controller) Norhafiz Ah-

mad, 35.

Namun, menurut Norhafiz, pengalaman yang dilaluinya itu tidak sedikitpun melunturkan semangatnya untuk terus memikul tugas berisiko tinggi itu sejak menyertai Northport lapan tahun lalu.

Katanya, bekerja dikelilingi kontena yang datang dari pelbagai arah, atas, kiri dan kanan dengan berat se-

tiap satunya melebihi 60 tan sememangnya memerlukan fokus yang tinggi bagi mengelakkan kemalangan.

"Setelah mendapati persekitaran selamat, saya perlu memastikan operator kren meletakkan kontena di atas kapal mengikut pelan susun atur yang disediakan supaya memudahkan operasi memunggah kontena yang dieksport apabila ia ti-

“ Jika tersilap langkah, nyawa boleh menjadi korban atau kesilapan menyusun kontena boleh menyebabkan barangan bernilai jutaan ringgit di dalamnya tiba di pelabuhan salah”

Norhafiz Ahmad

ba di pelabuhan.

"Jika tersilap langkah, nyawa boleh menjadi korban atau kesilapan menyusun kontena boleh menyebabkan barangan bernilai jutaan ringgit di dalamnya tiba di pelabuhan salah," katanya ketika ditemui di Northport, di sini.

Norhafiz yang bertugas lapan jam sehari mengikut tiga syif sama ada bermula jam 8 pagi, 4 petang atau 12 tengah malam berkata, setiap hari dia perlu memastikan 200 hingga 300 kontena disusun mengikut pelan di dalam kapal.

"Walaupun lebar kontena

semuanya sama, saiz panjang dan tinggi berbeza-beza mengikut ukuran panjang 12.1 meter dan 13.7 meter atau tinggi 2.59 meter dan 2.89 meter.

"Bagaimanapun, tugas saya hanya menyusun dan tidak tahu apa kandungan barang di dalam kontena kecuali terdapat label barangan berbahaya (DG) yang memerlukan ia disela dengan berhati-hati," katanya.

Norhafiz berkata, selain bertugas sebagai 'stowage controller', dia turut melaksakan tugas kerani kren (telly clerk) secara berselang-seli.

"Ini bermakna untuk mengendalikan sebuah kren kontena, ia memerlukan tiga pekerja iaitu operator kren, kerani penjaga operasi di atas kapal dan kerani kren.

"Kerani kren akan memberi arahan kepada operator kren mengenai susunan kontena di dalam kapal dan kerani penjaga operasi memastikan arahan itu dipatuhi dengan tepat bagi mengelak sebarang kesilapan," katanya.

ESOK: Tugas malam dan fungsi Pusat Transit Kendaraan (VTC)